

KERTAS KONSEP
PROGRAM KECEMERLANGAN PRASEKOLAH
SECARA DALAM TALIAN
DAERAH BATU PAHAT TAHUN 2022

1. Pendahuluan

Pendidikan Prasekolah merupakan satu agenda pendidikan utama yang menjurus kepada pembangunan insan melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran separa formal. Lantaran itu, pendekatan pedagogi yang sesuai harus dititik beratkan dan konsep ‘mudah ubah’ menjadi kunci kepada pelaksanaan pendidikan prasekolah.

Pendidikan awal di prasekolah mestilah memberi keutamaan kepada usaha-usaha memupuk dan mengekalkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat, baik semasa proses pengajaran dan pembelajaran, mahu pun dalam aktiviti sokongan kurikulum.

Kertas konsep ini mencadangkan supaya dianjurkan aktiviti Program Kecemerlangan Pendidikan Prasekolah dalam norma baharu pasca Covid-19 bagi membantu dan memberi peluang kepada murid di peringkat ini untuk menyerlahkan bakat dan potensi mereka walaupun secara alam maya. Di samping itu ia diharapkan menjadi medium terbaik bagi merealisasikan penerapan kemenjadian modal insan di peringkat yang paling awal agar mereka terus cemerlang serta pencapaian yang gemilang.

2. Objektif

- 2.1 Mencungkil bakat dan potensi dalam pelbagai aspek perkembangan kanak-kanak. (Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek, Sosial) walaupun dalam norma baharu tetap merentasi Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).
- 2.2 Penerapan nilai semangat keyakinan dan keberanian berinteraksi melalui alam maya bermula pada peringkat prasekolah yang terdiri daripada pelbagai kaum dalam usaha ke arah merealisasikan kemenjadian murid.
- 2.3 Memupuk jalinan sosial yang kukuh melalui proses mengenali dan memahami budaya dan agama masing-masing seawal usia yang mungkin.
- 2.4 Menyemai nilai-nilai dan semangat kekitaan, jati diri serta patriotisme dalam diri kanak-kanak sejak dari awal lagi.
- 2.5 Mendidik murid-murid supaya mempunyai kematangan emosi dan sosial.

3. Acara

Lima Acara yang di pertandingan secara atas talian dalam Program Kecemerlangan Pendidikan Prasekolah Pasca Covid-19:

- 1) Bercerita Bahasa Melayu- 2 peserta (1 Lelaki & 1 Perempuan)
- 2) Bercerita Bahasa Inggeris- 2 peserta (1 Lelaki & 1 Perempuan)
- 3) Deklamasi Sajak- 2 peserta (1 Lelaki & 1 Perempuan)
- 4) Tilawah Muqaddam- 2 peserta (1 Lelaki & 1 Perempuan)
- 5) Nyanyian Solo- 2 peserta (1 Lelaki & 1 Perempuan)

4. Maklumat lanjut mengenai kertas konsep norma baharu:

- 4.1 **Setiap peserta hanya di benarkan menyertai maksimum 2 acara sahaja.**
- 4.2 **Lima acara yang dipertandingkan terdiri daripada kategori Lelaki dan Perempuan.**
- 4.3 **Persembahan hendaklah dirakam (video)mengikut durasi setiap acara yang di tetapkan. Penggunaan aplikasi seperti *smule* dan *tik tok* tidak di benarkan.**
- 4.4 **Murid di benarkan membuat rakaman video aktiviti di mana-mana sahaja sama ada di rumah mahupun di sekolah. Setiap rakaman video adalah TANPA suntingan.**
- 4.5 **Video yang telah dirakam perlu diserahkan melalui pihak sekolah untuk disaring di peringkat zon.**
- 4.6 **Semua bentuk penghantaran video adalah melalui telegram sahaja.**
- 4.7 **Jawatankuasa penilai akan dibentuk untuk memilih rakaman aktiviti yang terbaik serta mematuhi syarat-syarat yang di nyatakan.**
- 4.8 **Tarikh akhir penghantaran di peringkat zon adalah pada atau sebelum 23 November 2022(Rabu).**
- 4.9 **Peserta yang melepas saringan peringkat zon akan akan di bawa ke peringkat daerah. Di peringkat daerah di jangka pada 5 Disember 2022(Isnin).**

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

A. PERTANDINGAN BERCERITA BAHASA MELAYU DAN INGGERIS

Pengenalan

Dalam pendidikan prasekolah, bahasa dan komunikasi merupakan teras kepada pembelajaran murid. Dengan penguasaan kemahiran asas bahasa, murid boleh memahami konsep, menerima maklumat, berfikir, menyelesaikan masalah serta berinteraksi dan berkomunikasi dengan orang lain.

Kebolehan berbahasa dan berkomunikasi dengan baik dan berkesan akan meningkatkan keyakinan murid untuk melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran. Penguasaan kemahiran ini boleh dicapai melalui pengalaman pembelajaran yang bermakna dan menggembirakan seperti aktiviti bercerita. Kesepadan aktiviti berteraskan kepada pendekatan belajar melalui bermain, bersepadu dan bertema akan menjadikan matlamat Kurikulum Prasekolah Kebangsaan dapat dicapai. Aktiviti bercerita ini merupakan asas amalan yang bersesuaian dengan perkembangan murid (ABP).

Objektif

- Membentuk kemahiran berkomunikasi di kalangan murid prasekolah.
- Mengasah, memupuk dan memperkembangkan bakat dan potensi.
- Melahirkan insan yang berketrampilan dan berkeyakinan.
- Mengetahui dan menyemai nilai-nilai murni daripada cerita.
- Membina minda yang sihat dan cerdas.

1. Penyertaan

Pertandingan ini terbuka hanya kepada murid prasekolah yang berumur 5-6 tahun di Prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia.

2. Tema Pertandingan

- 2.1 Pendidikan Awal Kanak-Kanak Menjana Generasi Gemilang
- 2.2 Konsep Tema: Berteraskan konsep pembinaan modal insan.

3. Syarat Pertandingan

- 3.1 Penyertaan

- 3.1.1 Penyertaan terbuka kepada semua murid prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia.
- 3.1.2 Setiap zon/daerah dikehendaki menghantar video peserta:
- Bercerita Bahasa Melayu (2 peserta – 1 lelaki dan 1 perempuan)
 - Bercerita Bahasa Inggeris (2 peserta – 1 lelaki dan 1 perempuan)
- 3.2 Pemilihan Cerita
- 3.2.1 Buku cerita yang terdapat di pasaran.
- 3.2.2 Mempunyai unsur pengajaran.
- 3.2.3 Mesej cerita hendaklah sesuai dengan tahap murid.
- 3.2.4 Cerita tidak menyentuh isu-isu sensitif mengenai agama, ras, atau keturunan mana-mana kaum di negara ini.
- 3.3 Persembahan hendaklah dirakam dan divideokan:
- 3.3.1 Durasi masa persembahan bagi setiap peserta **tidak melebihi 5 minit**.
- 3.3.2 Markah tidak akan dikira bagi peserta yang melebihi tempoh durasi masa yang ditetapkan.
- 3.4 Tatacara Persempahan semasa rakaman. (rakaman boleh di buat di rumah, di sekolah maupun di mana-mana sahaja yang di fikirkan sesuai dan menarik:
- 3.4.1 Markah penyampaian akan lebih berfokus kepada kelancaran berbahasa.
- 3.4.2 Penggunaan kostum dibenarkan tetapi dilarang menggunakan props dan muzik.
- 3.5 Pakaian (Bebas dan bersesuaian dengan tajuk yang dipilih).
- 3.6 Skema Pemarkahan

Gaya bahasa semasa dalam video	20 markah	Bahasa
Sebutan jelas - Tatabahasa betul	20 markah	
Pengajaran cerita	10 markah	
Peta / Kelancaran	15 markah	
Variasi & Kreativiti	10 markah	Penyampaian
Intonasi suara	10 markah	
Penghayatan (mimik muka, bahasa)	10 markah	
Kostum	5 markah	

3.7 Hal-hal Lain

- 3.7.1 Jika didapati 2 atau lebih peserta yang mendapat markah yang sama dalam video pertandingan, pemenang akan ditentukan dengan

mengambil kira siapa yang mendapat markah tertinggi dalam **kombinasi sebutan jelas dan kepetahan** dalam rakaman .

- 3.7.2 Keputusan hakim adalah muktamad. Penilaian hakim melalui penghantaran penyertaan video yang telah saring. Ia dilaksanakan melalui aplikasi telegram.
- 3.7.3 Para hakim akan dilantik oleh Jawatankuasa Induk.

B. PERTANDINGAN TILAWAH MUQADDAM DAN BACAAN SOLAT

1. Penyertaan

Setiap zon akan **diwakili oleh 2 orang peserta (1 Lelaki dan 1 Perempuan)** murid prasekolah yang berumur 5-6 tahun, di Prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia.

2. Hafazan rakaman video. (rakaman boleh di buat di rumah, di sekolah mahupun di mana mana sahaja yang di fikirkan sesuai dan menarik).

2.1 Surah Wajib – Surah Al – Fatihah dan Tahyyat Awal

2.2 Surah Pilihan – Dua surah yang dipilih sendiri oleh peserta

2.2.1 Surah Al-Kafirun

2.2.2 Surah Al-Humazah

2.2.3 Surah At-Takhathur

2.2.4 Surah Al-Qari'ah

2.2.5 Surah Al-Adiyat

2.2.6 Surah Al-Zalzalah

2.2.7 Surah Al-Bayyinah

2.2.8 Surah Al-Qadr

2.2.9 Surah Al-Alaq

2.2.10 Surah At-Tin

2.2.11 Surah Asy-Syarth

2.2.12 Surah Adh-Dhuha

- 2.3 Murid dikehendaki **membaca Surah Al-Fatihah diikuti dengan 2 surah pilihan dan diakhiri dengan Tahyyat Awal.**

2.4 Persembahan hendaklah dirakam dan divideokan . Tempoh durasi masa dalam 5 - 10 minit sahaja.

3. Pemarkahan

- a. Bahagian A (40) - Tajwid
- b. Bahagian B (35) - Fasohah/Lancar
- c. Bahagian C (25) - Suara rakaman dalam video.

4. Penghakiman

4.1 Video akan di hakimi oleh beberapa orang panel hakim (di ketuai seorang ketua hakim) akan sama-sama menyaksikan video video peserta melalui aplikasi telegram.

4.2 Keputusan rasmi akan dibuat secara muzakarah hakim.

Jika berlaku persamaan markah dalam video pertandingan bagi peserta, maka hendaklah dirujuk kepada markah tajwid, jika masih berlaku persamaan perlu dirujuk kepada markah fasohah. Jika masih wujud persamaan, ketua hakim hendaklah membuat keputusan setelah berbincang dengan hakim-hakim pertandingan.

4.3 Keputusan hakim adalah muktamad.

5. Peraturan Am

5.1 Setiap zon hanya diwakili oleh dua peserta sahaja (perempuan-lelaki)

5.2 Bacaan berbentuk tilawah iaitu terdiri daripada bacaan wajib (Al-Fatihah dan Tahyyat Awal) serta 2 surah pilihan yang telah ditetapkan.

6. Syarat-syarat Pertandingan

6.1 Rakaman video peserta adalah dalam **durasi masa 5-10 minit sahaja.**

C. PERTANDINGAN DEKLAMASI SAJAK

1. Penyertaan

Setiap zon akan diwakili oleh **2 orang peserta melalui rakaman video (1 lelaki & 1 perempuan)** anak-anak berumur 5-6 tahun, murid prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia. Deklamasi Sajak (Bahasa Melayu).

2. Sajak

2.1 Setiap peserta dikehendaki mendeklamasi satu video rakaman sajak sahaja.

2.2 Persembahan hendaklah dirakam dan divideokan .**Durasi** masa rakaman yang dibenarkan adalah **tidak melebihi 3 minit.**

2.3 Sajak adalah **bertemakan 1 Malaysia/Patriotik/Modal Insan.**

3. Pemarkahan

3.1 Bahagian A (30) - Sebutan dan intonasi dalam rakaman video

3.2 Bahagian B (25) - Kelancaran

3.3 Bahagian C (25) - Gaya dan kreativiti

3.4 Bahagian D (10) - Kandungan

3.5 Bahagian E (10) - Ciptaan Guru

4. Penghakiman

4.1 Dihakimi oleh beberapa orang (seorang ketua hakim) sama-sama menyaksikan rakaman video yang telah di hantar dan di saring melalui aplikasi Telegram untuk tujuan penilaian.

4.2 Keputusan rasmi akan dibuat secara persidangan hakim.

4.3 Keputusan hakim adalah muktamad.

5. Peraturan Am

5.1 Pelakon-pelakon latar tidak dibenarkan.

5.2 Penggunaan muzik latar/bahan adalah dibenarkan semasa sesi rakaman video.

5.3 Pakaian adalah bebas.

D. PERTANDINGAN NYANYIAN SOLO

Pengenalan

Pertandingan nyanyian solo ini bertujuan mencungkil bakat dan menyerlahkan potensi murid Prasekolah dalam bidang nyanyian. Aktiviti ini juga membantu dan memberi peluang kepada murid untuk menyerlahkan bakat dan potensi mereka serta menggalakkan mereka berinteraksi melalui hubungan interpersonal.

Objektif

- Mencungkil bakat dan potensi dalam pelbagai aspek perkembangan kanak-kanak (Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek, Sosial).
- Memberi peluang kepada murid-murid untuk membina sikap berani, bertanggungjawab dan berketerampilan.
- Menggalakkan murid-murid agar dapat berinteraksi sesama mereka serta menyesuaikan diri dengan persekitaran baru.
- Mendidik murid-murid supaya mempunyai kematangan emosi dan sosial.
- Membentuk daya kreativiti dan estetika untuk menghargai bakat serta kesenian.

1. Penyertaan

Setiap sekolah di benarkan menghantar **video rakaman nyanyian maksimum dua peserta (1 lelaki dan 1 perempuan)** terdiri daripada murid prasekolah yang berumur 5 – 6 tahun. Video yang telah di rakam akan di hantar untuk di saring dan di nilai.

2. Persembahan

- 2.1 Persembahan secara rakaman video . Penampilan peserta semasa pertandingan hendaklah sesuai dari sudut pakaian, solekan dan hiasan.
- 2.2 Persembahan hendaklah dirakam dan divideokan . Persembahan hendaklah diiringi oleh muzik ‘**Minus One**’ (tanpa sebarang vokal) **tidak melebihi durasi masa 6 minit.**

- 2.3 **Hanya 10 buah lagu sahaja yang telah di tepatkan , murid-murid perlu memilih sebuah lagu sahaja.** Lagu –lagu tersebut adalah :
- 1) Rumah Kecil Tiang Seribu nyanyian asal Azian Mazwan Sapuan
 - 2) Desa Tercinta nyanyian asal Nora
 - 3) Ikan Kekek nyanyian asal Saloma
 - 4) Bahtera Merdeka nyanyian asal Aishah
 - 5) Gemuruh nyanyian asal Faizal Tahir
 - 6) Tanya Sama Pokok nyanyian asal Tan Sri P.Ramlee dan Normadiah
 - 7) Gembirang nyanyian asal Jaclyn Victor
 - 8) Untukmu Ibu nyanyian asal Exist
 - 9) 1, 2, 3, 4 nyanyian asal Aris Ariwatan
 - 10) Mawar Putih Buat Mama nyanyian asal Dato' Sharifah Aini
- 2.4 Konsep persempahan adalah nyanyian solo dan bantuan instrumen muzik adalah dibenarkan.
- 2.5 Sebarang penggunaan props di atas pentas tidak dibenarkan.
3. Pemarkahan dalam persempahan video rakaman:
- 3.1 Bahagian A (40 markah)
(Nada/pic – 20, pernafasan – 10, intonasi – 10)
- 3.2 Bahagian B (30 markah)
(Alunan lagu – 10, penghafalan – 10, interpretasi/ekspresi – 10)
- 3.3 Bahagian C (10 markah)
(Tempo sekata/ketepatan)
- 3.4 Bahagian D (10 markah)
(Karisma suara dan nyanyian)
- 3.5 Bahagian E (10 markah)
(Gaya persempahan dalam video dan penggunaan Kostum)

4. Penghakiman

- 4.1 Dihakimi oleh beberapa orang termasuk seorang ketua hakim yang menyaksikan video yang telah di hantar melalui aplikasi Telegram.
- 4.2 Keputusan rasmi akan dibuat secara persidangan hakim.
- 4.3 Keputusan hakim adalah muktamad.

5. Peraturan Am

- 5.1 Setiap sekolah akan menghantar **dua org wakil (1 lelaki dan 1 perempuan)** bagi acara ini untuk penilaian.

5 PENUTUP:

Di harap kertas konsep cadangan bagi aktiviti Program Kecemerlangan Pendidikan Prasekolah pasca Covid-19 Secara Dalam Talian ini dapat dilaksanakan dengan baik dan berjalan lancar dengan mematuhi segala SOP dan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak KPM dan serterusnya aktiviti ini menjadi aktiviti yang bermakna serta dapat memberi impak yang besar kepada anak-anak prasekolah agar terus lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.